

19/06/1999

Dr M penghalang cita-cita jahat asing

DALAM ucapan bertemakan 'Maruah Bangsa Tanggungjawab Umno' Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuka minda ahli parti dan seluruh rakyat supaya memikirkan dengan serius masa depan bangsa dan negara yang cuba disanggah oleh pihak tertentu. Ucapan dasar Presiden Umno di perhimpunan agung ke-53 parti itu semalam bukan saja menyentak pemikiran, malah menginsafi betapa besarnya perjuangan Umno untuk menegakkan kedaulatan bangsa. Ujian yang dihadapi Umno dalam tempoh dua tahun lalu begitu besar. Ia berlaku hampir serentak - dijelmakan oleh anasir luar, didesak pula kalangan rakyat berfikiran sempit yang dijadikan 'kuda tunggangan' kuasa asing.

Masalah kegawatan ekonomi diikuti tindakan pihak tertentu mengucarkirkan kestabilan dan keharmonian rakyat, membuka peluang kepada kuasa asing untuk menggenggam semula negara ini. Umno menerusi kepemimpinan kerajaan, berjaya menyelamatkan negara ini daripada jatuh dibawah telunjuk kuasa asing ini. Jika tidak bertindak waras, sejarah bangsa yang dijajah lebih 400 tahun sejak kejatuhan Melaka, mungkin berulang.

Apakah rakyat mahu negara dikongkong semula walaupun tidak menerusi kekuasaan politik tetapi menerusi cara lebih halus yang mana negara harus terus tunduk kepada kehendak dan kepentingan mereka? Bagi mereka yang cuba bertindak mendewa-dewakan tekanan-tekanan asing ini terutama pengikut parti pembangkang, insaflah bahawa orang Melayu sudah cukup menderita. Janganlah tertipu dengan muslihat kuasa cara baru ini.

Penjelasan Dr Mahathir begitu mudah difahami kerana setiap rakyat negara ini sendiri turut merasai kesan senjata ekonomi yang digunakan kuasa Barat untuk memiskinkan negara ini. Walau pun mereka tidak menggunakan senjata yang boleh membunuh, senjata ekonomi boleh membawa padah yang lebih berbisa. Ia boleh menjadikan rakyat negara ini peminta sedekah di negara sendiri. Jika keadaan itu berlaku, tidak perlulah lagi menyalahkan diri sendiri. Umno yang ditubuhkan 53 tahun lalu untuk menentang penjajah kini terus berperanan mempertahankan nusa dan bangsa daripada dijajah semula menerusi kekuasaan yang lebih halus ini.

Disebabkan Dr Mahathir boleh membaca percaturan kuasa asing ini, beliau dianggap sebagai penghalang kepada cita-cita itu. Oleh itu, Dr Mahathir adalah orang yang paling dibenci mereka. Malangnya, kebencian orang asing terhadap Dr Mahathir disemarakkan sesetengah pihak yang beranggapan inilah peluang keemasan untuk menjatuhkan Perdana Menteri dan Umno. Beliau bukan saja dikeji secara terbuka malah anak-anak kecil diumpat supaya mencercanya. Internet pula dijadikan medan mencaci secara peribadi. Apakah pemimpin yang berusaha mempertahankan kedaulatan negara dituduh sebagai mahazalim dan mahafiraun.

Jika Dr Mahathir melakukan kesalahan sekali pun, beliau sebenarnya bersalah kepada bangsa penjajah kerana membongkar kegiatan mereka. Rakyat sepatutnya menjadi benteng mempertahankan beliau tetapi, ada benteng membawa rebah. Mungkin orang yang diharap-harapkannya cuba menikamnya dari belakang dengan isu kronisme, nepotisme dan sebagainya. Strategi untuk menjatuhkan Dr Mahathir begitu terancang hinggan beliau dituduh berkomplot untuk menjatuhkan timbalannya ketika itu.

Kebelakangan ini pula, cacian merebak kepada perbuatan mencarut. Rakyat diajar mencarut kononnya ia dibenarkan Islam. Adalah menyedihkan buku Shit yang sedikit pun tidak mengandungi unsur ilmu itu ditulis oleh tokoh sasterawan negara yang diberi tempat istimewa di negara ini. Buku itu dijaja tanpa sedikit pun berasa malu, sedangkan ia sebenarnya menconteng

arang di muka sendiri. Dr Mahathir mungkin boleh menerima penghinaan paling buruk itu, tetapi dengan membabitkan ibu beliau, ia adalah perbuatan yang sudah melepasi tatasusila orang Melayu yang beradab.

Semua perkara yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir itu adalah realiti yang berlaku hari ini. Inti ucapan dasar beliau yang tertumpu kepada beberapa isu khusus itu, mula dibahaskan oleh perwakilan semalam. Rakyat akan mendengar bagaimana pula reaksi perwakilan Umno yang selama ini membisu seribu bahasa. Sebelum ini mereka bukannya takut melawan tetapi mungkin beranggapan bertengkar dengan orang yang tidak bermaruah, akan menyebabkan Umno juga setaraf dengan mereka. Dari segi tatasusila, taraf Umno jauh lebih tinggi daripada itu.

(END)